

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH
[SETIU]**

SOALAN :

Tuan Tuan Che Mohamad Zulkifly Bin Jusoh (Setiu) minta Perdana Menteri menyatakan langkah kerajaan dalam mengawal pencerobohan nelayan asing ke perairan Negara.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mengatasi isu pencerobohan nelayan asing, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) selaku agensi yang dipertanggungjawab sepenuhnya bagi pengawalan dan pengawasan di laut, telah mengambil inisiatif melaksanakan operasi bersama agensi penguatkuasaan yang lain. APMM turut bekerjasama dengan pihak yang mengendalikan pelantar minyak dan nelayan tempatan untuk mendapatkan maklumat mengenai pencerobohan bot nelayan asing.

Berdasarkan statistik di bawah, penguatkuasaan yang berterusan di perairan persempadanan negara telah menunjukkan peningkatan positif hasil daripada elemen cegah rintang ini.

Statistik penahanan bot nelayan asing dari tahun 2006 hingga 30 September 2014 adalah seperti berikut:

Tahun/ Negara	Vietnam	Indonesia	Thailand	Filiphina	China	Singapura	Brunie	Jumlah
2006	20	14	3	0	0	0	0	37
2007	34	31	18	1	1	4	0	89
2008	40	25	13	1	2	0	0	81
2009	63	44	25	2	1	2	0	137
2010	60	35	8	0	0	0	1	104
2011	26	31	10	0	2	0	0	69
2012	42	11	4	0	0	0	0	57
2013	33	25	3	0	0	0	0	61
2014	30	15	3	0	0	0	0	48
Jumlah	344	231	86	4	6	6	1	683

Kerajaan kini sedang berusaha menambah aset APMM untuk meningkatkan kemampuan rondaan dan penguatkuasaan maritim bagi menangani masalah pencerobohan nelayan asing di perairan negara. Pembelian Kapal Peronda Luar Pantai yang mampu melaksanakan tugas di perairan Zon Ekonomi Eksklusif merupakan perancangan dalam tempoh yang terdekat.

Kerjasama serantau dalam bentuk perbincangan dan penguatkuasaan bersama negara jiran seperti Thailand, Vietnam, Filipina, Brunei dan Indonesia dilaksanakan secara berkala bagi membincangkan dan menyelesaikan permasalahan ini. Kerjasama yang erat bersama agensi penguatkuasaan negara-negara tersebut telah berjaya mengurangkan kes pencerobohan nelayan asing. Sejak 2009, jumlah bot nelayan asing yang telah dikesan dan dapat ditangkap telah menurun sebanyak 65%.

Sekian. Terima kasih.